

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	269 cm ²
AdValue	RM 3,537	PR Value	RM 10,611



Perkasakan sistem pengangkutan awam luar bandar

Oleh **MARIA ABDUL RAHMAN**

MUKA hadapan akhbar utama di negara ini sekali lagi dipenuhi dengan berita kenaikan harga petrol RON 95 dan diesel. Walaupun kenaikannya hanyalah sebanyak 20 sen seliter atau kenaikan 10.5 peratus untuk RON 95 dan 11.1 peratus untuk diesel, kenaikan ini akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan meningkat lebih besar peratusannya berbanding peratusan kenaikan harga bahan api tersebut.

Untuk mengurangkan kesan kenaikan harga petrol dan diesel, kerajaan telah menyarankan agar rakyat beralih kepada penggunaan pengangkutan awam. Dengan sistem pengangkutan awam yang cekap seperti di Lembah Klang adalah wajar bagi warga kota meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

Mereka mempunyai pelbagai pilihan seperti Transit Aliran Ringan (LRT), komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad, monorel, bas RapidKL dan teksi. Dengan pengangkutan awam, warga kota tidak perlu bimbang kerana mereka akan sampai ke tempat kerja tepat pada waktunya.

Lain pula keadaannya bagi penduduk yang berada di kawasan luar bandar yang hanya bergantung kepada perkhidmatan bas atau teksi. Di Changlun, Kedah umpamanya, hanya terdapat dua buah syarikat bas henti-henti yang beroperasi untuk memenuhi keperluan penduduk.

Dari hari Ahad sehingga Khamis, hanya sebuah bas yang akan beroperasi mulai pukul 6.45 pagi untuk menghantar penumpang ke Jitra. Bas tersebut merupakan satu-satunya bas yang beroperasi pada masa tersebut. Syarikat bas yang lain hanya akan mula beroperasi jam 8.00 pagi.

Jika berlaku kerosakan di perjalanan, maka penumpang bas tersebut terutamanya pelajar sekolah akan lambat sampai ke sekolah manakala pekerja pula akan lambat sampai ke tempat kerja. Di hujung minggu, bas tersebut tidak beroperasi di awal pagi dan ini menyukarkan penduduk. Bagi penduduk yang berkemampuan mereka boleh menaiki kenderaan persendirian atau menyewa teksi. Kepada mereka yang kurang mampu, apakah pilihan yang ada?

Adakah sistem pengangkutan awam yang efisien telah disediakan untuk menampung keperluan penduduk di luar bandar? Jika kerajaan mahukan rakyat beralih kepada pengangkutan awam, seharusnya satu tindakan yang proaktif perlu diambil untuk memastikan pengangkutan awam

yang efisien disediakan di kawasan luar bandar.

Antaranya, syarikat pengangkutan awam perlulah dikawal atau dipantau oleh pihak bertanggungjawab untuk mengelakkan syarikat-syarikat tersebut daripada beroperasi sesuka hati dan tidak mengikut jadual perjalanan.

Adakalanya penumpang bas terpaksa menunggu bas berjam-jam lamanya untuk pergi ke suatu destinasi. Banyak masa yang telah dibazirkan kerana jadual perjalanan bas yang tidak dipatuhi oleh pengusaha syarikat bas. Jika di bandar besar, perjalanan bas mengikut jadual kenapa ia tidak boleh dilakukan di kawasan luar bandar?

Pihak bertanggungjawab perlu menyediakan satu piawai untuk syarikat-syarikat bas yang memohon untuk mengendalikan perkhidmatan pengangkutan awam. Antaranya, bas-bas yang digunakan mestilah berusia tidak lebih 10 tahun dan mempunyai pendingin hawa dan selesa kepada penumpang.

Penyelenggaraan bas secara berjadual juga perlu dititikberatkan kerana jika gagal dilakukan bas tersebut akan kerap mengalami kerosakan dan juga menyumbang kepada kemalangan jalan raya. Di sinilah Puspakom memainkan peranan memantau keadaan bas-bas tersebut supaya selamat digunakan.

Tambang bas perlulah seragam antara pengusaha-pengusaha bas. Berdasarkan pengalaman penulis, dua buah syarikat bas telah mengenakan harga yang berbeza bagi jarak perjalanan yang sama.

Pihak yang bertanggungjawab perlu memantau perkara ini supaya pengusaha-pengusaha bas tidak sewenang-wenangnya menaikkan tambang bas apabila berlaku kenaikan harga petrol dan diesel. Ini adalah bertenangan dengan saranan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam kerana sepatutnya pengangkutan awam menyediakan perkhidmatan yang murah.

Jadi sudah tiba masanya sistem pengangkutan awam di luar bandar dipertingkatkan mutunya supaya kualiti hidup rakyat akan terus meningkat. Walaupun tidak secepat kemudahan pengangkutan awam yang terdapat di Lembah Klang, sekurang-kurangnya kerajaan perlu memastikan pengangkutan awam yang selesa, efisien dan mencukupi dapat disediakan untuk memenuhi keperluan penduduk setempat yang kedudukannya beratus kilometer jauhnya daripada Lembah Klang.

PENULIS ialah Pensyarah, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.